

Program Selangkah Ke Universiti

SERDANG 13 Mei - Sebanyak 17 buah sekolah menengah luar bandar terpilih mengikuti program Selangkah Ke Universiti 2012 dalam usaha memotivasi para pelajar menyambung pelajaran ke universiti.

Program itu anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) bersama Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengerusi Jawatankuasa Program, Datin Seri Dr. Aishah Salleh berkata, seramai 150 pelajar dari sekolah-sekolah luar bandar sekitar Lembah Klang telah menyertai program tersebut.

“Mereka akan didedahkan dengan suasana kampus di UPM. Antara tempat-tempat yang akan dilawati ialah Makmal Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Kompleks Perkhidmatan Makanan, Hospital Veterinar UPM, stesen radio Putra FM, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan Pusat Pembangunan Maklumat.

“Melalui program ini para pelajar luar bandar yang datang daripada keluarga yang tidak pernah ke universiti akan mendapat motivasi untuk belajar bersungguh-sungguh,” katanya.

Beliau berucap pada majlis penutup program berkenaan yang disempurnakan Ketua Pemuda Barisan Nasional, Khairy Jamaluddin di sini.